

16 OCT 1996

Parlimen-Mahathir (Mahkamah)

KERAJAAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT DALAM PERBICARAAN

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Kerajaan bertanggungjawab kepada semua pihak yang terlibat dalam sesuatu perbicaraan, bukan sahaja kepada tertuduh tetapi juga terhadap mangsa kepada yang dituduh, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata sekiranya kerajaan membuat sesuatu yang menyebabkan seseorang penjenayah terlepas semata-mata kerana soal teknikal maka ia adalah satu ketidakadilan.

"Sebab itu dalam perkara ini, kerajaan perlu berhati-hati dan mengambil masa sedikit untuk dan menentukan keadilan berlaku kepada semua pihak," katanya semasa menjawab soalan tambahan Encik Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Lim ingin tahu sama ada kerajaan akan membenarkan 400 kes di Mahkamah Tinggi yang ditangguhkan kerana terbabit dengan peraturan baru berhubung standard bukti untuk pendakwaan dijalankan tanpa menunggu kajian kesan peraturan baru selesai dijalankan.

"Kalau benar-benar tertuduh tidak bersalah, saya yakin mahkamah akan mendapati ianya tidak bersalah tetapi kalau soal teknikal ini dibangkitkan dan orang yang salah (yang semua dunia tahu dia salah) tapi dilepaskan kerana kesilapan sedikit dari segi teknikal, ini adalah satu ketidakadilan yang tidak harus berlaku dalam sistem perundangan kita," katanya.

Terdahulu, semasa menjawab soalan Haji Abdul Hadi Haji Awang (PAS-Marang), Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata setakat ini kajian Jabatan Peguam Negara mengenai kesan peraturan baru Mahkamah Persekutuan berhubung dengan standard bukti pendakwaan masih belum selesai.

Oleh yang demikian katanya, belum dapat diputuskan daripada sudut mana peraturan baru itu membebaskan pihak Polis.

"Bentuk pindaan yang akan dibuat terhadap Kanun Acara Jenayah hanya boleh ditentukan sebaik sahaja kajian mengenainya selesai," katanya.

Beliau berkata pada masa ini, pendakwaan mematuhi standard beban pembuktian yang telah ditetapkan oleh Mahkamah Persekutuan.

Semasa menjawab soalan tambahan Encik Lim Kit Siang (DAP-Tanjung) yang ingin tahu sama ada kerajaan akan berbincang dengan Majlis Peguam sebelum membuat sesuatu keputusan mengenai kesan peraturan baru itu, Dr Mahathir berkata kerajaan memang ingin berbincang dengan Majlis Peguam.

Bagaimanapun, katanya kerajaan menghadapi kesukaran berbincang dengan Majlis Peguam yang seringkali tidak bersetuju dengan kerajaan dan menyifatkan tidak ada satu pun yang dilakukan kerajaan adalah betul.

"Kita memang hendak bincang dengan Majlis Peguam tetapi Majlis Peguam, minta maaf, kalau saya kata Majlis Peguam ini lebih merupakan parti lawan daripada Majlis Peguam.

"Tidak ada sesuatupun yang dibuat oleh kerajaan yang didapati betul oleh Majlis Peguam. Sehingga kadang-kadang kita berpendapat adalah lebih baik Majlis Peguam tubuh parti politik, bertanding dan dapat masuk dalam dewan dan berhujah di dalam dewan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka berselindung dengan satu badan profesional dan menggunakannya ke seluruh dunia untuk memburukkan negara sendiri.

Mengenai kenyataan Lim bahawa Dr Mahathir telah membuat kenyataan tidak adil apabila mengatakan orang yang seluruh dunia tahu dia salah tetapi dibebaskan kerana kesilapan teknikal sedangkan perbicaraan atau rayuan belum diadakan, Dr Mahathir berkata yang tidak adil sebenarnya ialah Lim kerana tidak langsung mahu menentukan keadilan berlaku.

"Yang Berhormat lebih berminat untuk melihat satu penjenayah dilepaskan semata-mata kerana teknikal atau siatasan belum dapat dibuat. Di negara lain sudah ada peraturan yang membenarkan "keterangan prima facie" itu diterima dalam mahkamah pertama sebelum ianya dibicarakan," katanya.

"Kalau itu tidak adil, maka banyaklah negara dalam dunia termasuk Britain yang mempunyai sistem yang tidak adil," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HS AHH